



GARIS PANDUAN

ANUGERAH

INOVASI MENTERI (AIM)

KPKT 2018



www.kpkt.gov.my



GARIS PANDUAN ANUGERAH INOVASI MENTERI (AIM) 2018

ISI KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
BAB 1	PENGENALAN 1.1 TUJUAN 1.2 LATAR BELAKANG 1.3 OBJEKTIF	3-4
BAB 2	SYARAT PENYERTAAN	5
BAB 3	PENILAIAN 3.1 MEKANISME PENILAIAN DAN PEMILIHAN PEMENANG AIM 3.2 KRITERIA PENILAIAN	6-8
BAB 4	HADIAH	8
BAB 5	TATACARA PERMOHONAN	9
LAMPIRAN	A BORANG PENYERTAAN B FORMAT LAPORAN PROJEK INOVASI DAN BUKTI PENCAPAIAN	10-11 12



GARIS PANDUAN ANUGERAH INOVASI MENTERI (AIM) 2018

BAB 1: PENGENALAN

1.1 TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan memberi panduan mengenai permohonan untuk menyertai Anugerah Inovasi Menteri (AIM) 2018 dan menerangkan mekanisme serta prosedur yang perlu dilaksanakan oleh Jabatan/Bahagian/Unit/Kumpulan Inovasi di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi permohonan AIM 2018. Garis panduan ini mengandungi maklumat-maklumat syarat penyertaan, tatacara permohonan, format laporan permohonan, serta mekanisme penilaian dan pemilihan pemenang yang diguna pakai bagi AIM 2018.

1.2 LATAR BELAKANG

Selaras dengan usaha Kerajaan untuk membudayakan inovasi dan memberi pengiktirafan bagi penghasilan inovasi di sektor awam, KPKT melaksanakan AIM yang bertujuan mengiktiraf inovasi yang dihasilkan oleh Jabatan/Bahagian/Unit/Kumpulan Inovasi di bawah Kementerian ini. Inovasi yang dihasilkan hendaklah yang berimpak tinggi dan berjaya meningkatkan imej Kementerian melalui pengiktirafan di peringkat kebangsaan mahu pun antarabangsa.

1.2 OBJEKTIF

AIM diwujudkan dengan tujuan untuk:

- menggalakkan penciptaan inovasi berimpak tinggi di kalangan warga KPKT;



GARIS PANDUAN ANUGERAH INOVASI MENTERI (AIM) 2018

- memberi galakan dan motivasi kepada Jabatan/Bahagian/Unit/Kumpulan Inovasi di bawah KPKT untuk terus memberi sumbangan sehingga menjadi warga KPKT yang cemerlang;
- menggalakkan persaingan yang sihat antara Jabatan/Bahagian/Unit/Kumpulan Inovasi di bawah KPKT ke arah meningkatkan kualiti dan inovasi KPKT secara menyeluruh; dan
- memberi kesedaran kepada warga KPKT bahawa peranan yang dimainkan oleh setiap individu adalah amat besar, sekaligus melahirkan warga kerja kreatif dan inovatif yang dapat memberi sumbangan kepada pembangunan organisasi, masyarakat dan negara.



GARIS PANDUAN ANUGERAH INOVASI MENTERI (AIM) 2018

BAB 2: SYARAT PENYERTAAN

Semua Jabatan/Bahagian/Unit/Kumpulan Inovasi di bawah KPKT yang memenuhi syarat-syarat penyertaan seperti berikut adalah layak untuk dinilai dan dipilih sebagai pemenang AIM 2018 :

- i. terbuka kepada semua Jabatan/Bahagian/Unit/Kumpulan Inovasi di bawah KPKT yang menghasilkan inovasi berimpak tinggi;
- ii. inovasi hendaklah dihasilkan dan diterajui oleh Jabatan/Bahagian/Unit/Kumpulan Inovasi sendiri dan penyertaan dalam AIM hendaklah melalui Ketua Jabatan/Bahagian (borang penyertaan ditandatangani oleh Ketua Jabatan/Bahagian/Unit);
- iii. penghasilan inovasi adalah antara tahun 2015 hingga 2018 dan mencapai kejayaan di mana-mana peringkat penyertaan sepanjang tahun tersebut;
- iv. inovasi yang dihasilkan hendaklah memberi faedah yang jelas dari segi meningkatkan kualiti dan produktiviti organisasi; dan
- v. calon hendaklah memberi kerjasama kepada panel penilai semasa penilaian dan bersedia untuk berkongsi idea inovasi sekiranya dipilih sebagai pemenang.



BAB 3: PENILAIAN

3.1 MEKANISME PENILAIAN DAN PEMILIHAN PEMENANG AIM

Proses pemilihan pemenang AIM adalah seperti berikut:

i. **Peringkat Pertama : Tapisan oleh Pihak Urus Setia**

Semua permohonan yang diterima akan dibuat tapisan di peringkat urus setia untuk memastikan permohonan memenuhi syarat-syarat penyertaan dan tatacara permohonan yang telah ditetapkan.

ii. **Peringkat Kedua : Penilaian Berasaskan Laporan**

Semua laporan inovasi yang diterima akan dinilai oleh urus setia. Penilaian ini adalah berdasarkan kriteria-kriteria penilaian yang ditetapkan. Permohonan yang tidak melepas tapisan di peringkat ini akan dimaklumkan.

iii. **Peringkat Ketiga : Penilaian Akhir oleh Panel Penilai**

(a) pada peringkat ini, calon yang memenuhi kriteria di peringkat pertama dan kedua akan **disenarai pendek** untuk penilaian peringkat akhir oleh Panel Penilai. Calon akan dijemput untuk membuat pembentangan mengenai projek inovasi masing-masing; dan

(b) pembentangan ini bertujuan untuk membolehkan Panel Penilai mendapatkan maklumat terperinci dan penjelasan yang lebih lanjut dan seterusnya membuat keputusan pemenang AIM 2018.



GARIS PANDUAN ANUGERAH INOVASI MENTERI (AIM) 2018

3.2 KRITERIA PENILAIAN

Penilaian Anugerah Inovasi Menteri adalah berdasarkan kriteria seperti berikut :

BIL.	KRITERIA
1.	<p><u>KREATIVITI</u></p> <ul style="list-style-type: none">• Keunikan dan pendekatan di luar kotak dari segi usaha atau idea yang asli, tersendiri, diadaptasi atau yang melangkaui norma biasa;• Penghasilan inovasi yang menawarkan penyelesaian kreatif dan melangkaui ekspektasi pelanggan; dan• Mempermudahkan keadaan semasa dan mengurangkankekangan atau jurang ke arah peningkatan tahap penyampaian perkhidmatan.
2.	<p><u>KEBERKESANAN</u></p> <ul style="list-style-type: none">• Mendarangkan faedah yang nyata dari aspek capaian hasil yang segera, ketara, jelas dan diterima umum;• Meningkatkan tahap kepuasan kumpulan sasar dari aspek penerimaan atau peningkatan tahap penggunaan sesuatu inovasi;• Penciptaan nilai awam melalui pengenalan dasar, program, infrastruktur, teknologi atau perkhidmatan yang memajukankepentingan orang ramai; dan• Disempurnakan dalam garis masa yang singkat dan mencabar norma kebiasaan serta tidak berkompromi dalam aspek kualiti.



GARIS PANDUAN ANUGERAH INOVASI MENTERI (AIM) 2018

3.	<p><u>RELEVAN</u></p> <ul style="list-style-type: none">• Memenuhi agenda nasional dan menyokong dasar, program atau tumpuan semasa Kerajaan;• Mengambil kira persekitaran semasa dari aspek keupayaan memenuhi ekspektasi, kehendak atau keadaan semasa; dan• Menyokong konsep pentadbiran awam yang <i>seamless</i> melalui tahap jaringan kolaborasi dan kerjasama strategik dengan pelbagai pihak.
4.	<p><u>SIGNIFIKAN</u></p> <ul style="list-style-type: none">• Keberhasilan (<i>outcome</i>) inovasi memenuhi objektif yang ditetapkan;• Penjimatan kos/sumber yang ketara dari segi penggunaan sumber yang optimum serta menghasilkan pulangan yang maksimum; dan• Mempunyai kepentingan yang nyata dari segi kemampuannya untuk menawarkan alternatif penyelesaian kepada isu semasa.

BAB 4: HADIAH

Pemenang AIM 2018 akan menerima hadiah seperti berikut:

- i. Wang Tunai RM5,000.00;
- ii. Piala; dan
- iii. Sijil Penghargaan.



GARIS PANDUAN ANUGERAH INOVASI MENTERI (AIM) 2018

BAB 5: TATACARA PERMOHONAN

Jabatan/Bahagian/Kumpulan yang ingin menyertai AIM 2018 perlu menyempurnakan tindakan-tindakan berikut:

- i. melengkapkan borang penyertaan AIM 2018 seperti di **Lampiran A** dengan ditandatangani oleh Ketua Jabatan/Bahagian/Unit;
- ii. menyediakan **lima salinan hard copy** laporan projek inovasi bersama **satu salinan softcopy** berdasarkan format di **Lampiran B**; dan
- iii. mengemukakan borang penyertaan dan laporan projek inovasi sebelum atau pada **14 September 2018 (Jumaat)** kepada:

URUS SETIA ANUGERAH INOVASI MENTERI (AIM) KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)
Bahagian Khidmat Pengurusan
Aras 20, No. 51, Persiaran Perdana,
Presint 4, 62100 Putrajaya
(u.p.: Unit Inovasi)

No. Tel : 03-8891 5103 / 5074 / 5075 / 5055
No. Faks : 03-8891 3088
E-mel : inovasi@kpkt.gov.my

LAMPIRAN A

ANUGERAH INOVASI MENTERI 2018
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN (KPKT)

BORANG PENYERTAAN

1. NAMA KUMPULAN : _____

2. JABATAN/BAHAGIAN/KUMPULAN :

3. ALAMAT :

4. MAKLUMAT PEGAWAI YANG BOLEH DIHUBUNGI :

NAMA : _____

NO. TEL. PEJ. : _____

NO. TEL. BIMBIT : _____

NO. FAKS : _____

E-MEL : _____

LAMPIRAN A

ANUGERAH INOVASI MENTERI 2018
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN (KPKT)

SENARAI NAMA AHLI KUMPULAN	1)
	2)
	3)
	4)
	5)
	6)
	7)
	8)
	9)
	10)

5. PENGESAHAN KETUA JABATAN/BAHAGIAN/UNIT :

Saya mengesahkan bahawa calon ini adalah layak untuk menyertai Anugerah Inovasi Menteri (AIM) 2018.

TANDATANGAN

COP RASMI

NAMA : _____

JAWATAN : _____

TARIKH : _____

**FORMAT
LAPORAN PROJEK INOVASI DAN BUKTI PENCAPAIAN**

1. RINGKASAN INOVASI

- i. Latar Belakang
- ii. Objektif/Tujuan Inisiatif
- iii. Kumpulan Sasar dan Skop Liputan
- iv. Pelaksanaan Inovasi

2. PENERANGAN INOVASI MENGIKUT KRITERIA

- i. Kreativiti
- ii. Keberkesanan
- iii. Relevan
- iv. Signifikan

3. PENCAPAIAN DAN PENGIFTIRAFAN YANG DIPEROLEHI

- i. Peringkat Jabatan/Negeri
- ii. Peringkat Kementerian/Kebangsaan
- iii. Peringkat Antarabangsa

4. PENGKOMERSIALAN DAN REPLIKASI INOVASI